

**Najib silap tafsir bantuan sebagai kesetiaan, kata Dr Mahathir**  
**Malaysian Insider**  
**Dec 16, 2015**

Apabila bercakap tentang bantuan yang diperlukan daripada timbalan, naib presiden dan ahli Umno, Datuk Seri Najib Razak mentafsirkannya sebagai taat setia, kata Tun Dr Mahathir Mohamad.

Menulis dalam blognya hari ini, bekas perdana menteri itu berkata, apa yang Najib maksudkan ialah parti harus patuh kepada kehendak presiden.

"Semua ahli parti di semua peringkat tidak perlu fikir, tidak perlu memberi apa-apa sumbangan tetapi apabila disuruh datang, datang, disuruh pergi, pergi.

"Apabila presiden suruh jahanamkan parti pun, jahanamkan. Jangan soal, jangan tegur dan jangan bantah. Inilah dasar dan kehendak presiden parti," kata Dr Mahathir.

Dalam ucapan dasar beliau di Perhimpunan Agung Umno pada 10 Disember lalu, Najib mengingatkan timbalan presiden parti Tan Sri Muhyiddin Yassin yang peranannya adalah untuk membantu presiden dalam menjalankan tugasnya.

Beliau juga memberi peringatan sama kepada Naib Presiden Datuk Seri Shafie Apdal.

Kedua-dua Muhyiddin dan Shafie digugurkan daripada Kabinet pada Julai kerana mengkritik secara terbuka cara Najib mengendalikan syarikat sarat hutang 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

Dr Mahathir hari ini berkata, mereka yang tidak patuh kepada arahan presiden atau menuding jari kepada kesalahannya akan dikenakan tindakan, termasuk penggantungan atau penyingkiran dari parti.

"Saya bukan sahaja disoal polis tetapi sekatan yang dibuat terhadap saya lebih teruk daripada pemimpin parti lawan.

"Semua dewan ditutup bagi saya sehingga saya tidak dapat bertemu dan bercakap dengan orang Umno atau orang ramai.

"Hotel diberi amaran akan tidak diberi 'bisnes' kerajaan jika saya diterima berucap dalam dewan-dewan mereka," tulisnya.

Menyentuh mengenai Muhyiddin yang tidak dibenarkan merasmikan mana-mana mesyuarat Umno dan disingkir sebagai timbalan perdana menteri dan Shafie yang tidak dibenarkan bercakap selepas dipecat sebagai menteri, Dr Mahathir bertanya: "Inikah sikap 'gentleman' yang berjiwa besar?"

"Ia lebih mirip sikap boss yang mengikat tangan musuh supaya ia boleh dibelasah tanpa dibalas."

Sebelum ini, katanya, mencabar presiden adalah perkara biasa dan pencabar bebas bercakap di mana sahaja.

"Tetapi sekarang tidak," kata Dr Mahathir. – 16 Disember, 2015.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/najib-silap-tafsir-bantuan-sebagai-kesetiaan-kata-dr-mahathir>